



**KENYATAAN AKHBAR  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI TERKINI WABAK MEASLES DI KALANGAN ORANG ASLI DI  
KUALA KOH, GUA MUSANG, KELANTAN;  
KAMPUNG GERDONG, HULU TERENGGANU, TERENGGANU; DAN  
KAMPUNG ULU SAT, JERANTUT, PAHANG**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan situasi terkini kejadian wabak measles dalam kalangan Orang Asli di **Kuala Koh, Gua Musang Kelantan; Kampung Gerdong, Hulu Terengganu, Terengganu;** dan **Kampung Ulu Sat, Jerantut, Pahang.**

Sejak wabak ini dilaporkan pada 3 Jun 2019, **sehingga 5 Julai 2019**, kumulatif kes bergejala yang dilaporkan adalah sebanyak 173 kes, iaitu di Kelantan (147 kes bergejala termasuk 3 kematian), Terengganu (18 kes bergejala, tiada kematian) dan Pahang (8 kes bergejala, tiada kematian). Daripada jumlah tersebut, 82 kes telah disahkan measles melalui ujian makmal, iaitu 62 kes di Kelantan, 16 kes di Terengganu dan 4 kes di Pahang.

Sehingga 5 Julai 2019, tiada kes kematian baru dilaporkan dan kes kematian yang dilaporkan kepada KKM kekal tiga (3) yang mana ketiga-tiga kes kematian ini telah disahkan measles melalui ujian makmal. Hasil bedah siasat oleh pasukan forensik juga mengesahkan kematian berpunca dari jangkitan dan komplikasi measles.

Manakala keputusan dari bedah siasat terhadap 12 lagi mayat lagi yang ditemui oleh pihak polis (tarikh kematian dari 2 Mei – 6 Jun 2019) telah dijalankan bedah siasat pada 17 dan 18 Jun 2019 oleh pasukan forensik dan punca kematian tidak dapat disahkan (*indetermine cause of death*). Namun begitu keputusan ujian toksikologi, logam berat dan entomologi masih belum diperolehi.

Di Kelantan, sehingga 5 Julai 2019, seramai 48 kes masih dirawat ; iaitu 46 di wad isolasi manakala dua (2) kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Kesemua yang dirawat di hospital adalah dalam keadaan stabil. Seramai 53 kes yang bergejala ringan di tempatkan di PLKN Etnobotani, Gua Musang.

Di Terengganu, pada 5 Julai 2019, seramai lima (5) kes masih dirawat di wad isolasi Hospital Hulu Terengganu, kesemua dalam keadaan stabil. Manakala di Pahang pula, tiada kes dirawat di hospital.

Sebagai respon kepada wabak measles ini, Pejabat Kesihatan Daerah meneruskan aktiviti imunisasi measles termasuk aktiviti imunisasi tambahan untuk measles kepada komuniti di kawasan-kawasan yang terlibat dan lokaliti berhampiran dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Tok Batin komuniti berkaitan. Aktiviti imunisasi tambahan dijalankan serentak sejak 1 Julai 2019.

KKM ingin menyatakan yang wabak ini adalah terkawal. Sebarang perkembangan lanjut mengenai kejadian wabak ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad**

**Menteri Kesihatan Malaysia**

6 Jun 2019

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Dua (2) kes yang masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), Hospital Kuala Krai pada 26 Jun 2019:

1. Bayi perempuan berumur 3 bulan, dirawat sebagai *measles pneumonia*. Kes bertambah baik, berat badan telah bertambah dari 1.8 kg ke 2.4 kg. Kes dirawat di NICU.
2. Kanak-kanak perempuan berumur 12 tahun, dirawat sebagai *measles with severe pneumonia*. Kes masih *ventilated low setting*, namun stabil. Kes juga menjalani rawatan haemodialisis kerana turut mengalami *acute kidney injury*, akibat komplikasi jangkitan. Kes dirawat di ICU.

**Bilangan Kes Wabak Measles di Kalangan Orang Asli Kuala Koh di Kelantan, Terengganu dan Pahang**

Tarikh Laporan	Kelantan (Kg. Kuala Koh, GuaMusang)					Terengganu (Kg. Gerdong, Hulu Terengganu)					Pahang (Kg. Ulu Sat, Jerantut)				
	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes (tidak termasuk kematian)	Kumulatif Kematian	Kumulatif Kes Disahkan Measles	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes	Kumulatif Kematian	Kumulatif Kes Disahkan Measles	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes	Kumulatif Kematian	Bil. Kes Disahkan Measles
17/6/2019	0	0	109	3	37	1	0	10	0	6	0	0	8	0	4
18/6/2019	1	0	110	3	41	2	0	12	0	7	0	0	8	0	4
19/6/2019	0	0	110	3	43	0	0	12	0	7	0	0	8	0	4
20/6/2019	2	0	112	3	43	0	0	12	0	8	0	0	8	0	4
21/6/2019	1	0	113	3	47	1	0	13	0	8	0	0	8	0	4
22/6/2019	1	0	114	3	49	0	0	13	0	10	0	0	8	0	4
23/6/2019	1	0	115	3	49	1	0	14	0	10	0	0	8	0	4
24/6/2019	0	0	115	3	49	0	0	14	0	10	0	0	8	0	4
25/6/2019	1	0	116	3	52	0	0	14	0	10	0	0	8	0	4
26/6/2019	1	0	117	3	55	0	0	14	0	11	0	0	8	0	4
27/6/2019	9	0	126	3	55	0	0	14	0	12	0	0	8	0	4
28/6/2019	4	0	130	3	56	1	0	15	0	12	0	0	8	0	4
29/6/2019	1	0	131	3	57	2	0	17	0	12	0	0	8	0	4
30/6/2019	2	0	133	3	58	0	0	17	0	12	0	0	8	0	4
01/7/2019	0	0	133	3	58	0	0	17	0	12	0	0	8	0	4
02/07/2019	2	0	135	3	60	1	0	18	0	12	0	0	8	0	4
03/07/2019	7	0	142	3	60	0	0	18	0	13	0	0	8	0	4

Tarikh Laporan	Kelantan (Kg. Kuala Koh, GuaMusang)					Terengganu (Kg. Gerdong, Hulu Terengganu)					Pahang (Kg. Ulu Sat, Jerantut)				
	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes (tidak termasuk kematian)	Kumulatif Kematian	Kumulatif Kes Disahkan Measles	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes	Kumulatif Kematian	Kumulatif Kes Disahkan Measles	Bil. Kes Baru	Bil. Kematian Baru	Kumulatif Kes	Kumulatif Kematian	Bil. Kes Disahkan Measles
04/072019	2	0	144	3	60	0	0	18	0	14	0	0	8	0	4
05/07/2019	0	0	144	3	62	0	0	18	0	16	0	0	8	0	4